

19/01/2000

Rakyat penentu kemasukan Umno ke Sarawak

Misiah Taib

PERLUKAH Umno melebarkan sayapnya ke Sarawak? Persoalan ini pernah dianggap sebagai isu paling sensitif kepada penduduk Sarawak terutama antara awal hingga pertengahan tahun 90-an.

Keadaan sama juga pernah menyebabkan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyuarakan parti itu tidak berhasrat mengembangkan sayapnya ke Sarawak, pada sidang medianya selepas mempengerusi mesyuarat Kabinet Persekutuan di Wisma Bapa Malaysia, Kuching, pada 22 Mei 1991.

Keputusan itu dibuat kerana `kepentingan Umno' di Sarawak pada ketika itu dijaga dengan baik oleh rakannya iaitu parti komponen Barisan Nasional (BN) negeri. Pucuk pimpinan Sarawak juga beranggapan jika Umno ke Sarawak pada ketika itu, ia boleh membawa kepada perpecahan di Bumi Kenyalang.

Ini berbeza dengan Sabah, di mana kemasukan Umno ke sana kerana keadaan memaksa ia berbuat demikian.

Bagaimana pun, sewaktu merasmikan perhimpunan agung Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) - parti tulang belakang BN Sarawak pada 28 Ogos 1998, Dr Mahathir mengumumkan bahawa Umno memang berminat mengembangkan sayap ke Sarawak tetapi keputusan mengenainya terletak di tangan rakyat negeri itu.

Dr Mahathir berkata Umno juga akan memastikan kedatangannya ke Sarawak tidak memecahbelahkan perpaduan Bumiputera dan komponen BN di negeri itu. "Umno mahu bekerjasama dengan semua parti termasuk parti Bumiputera yang ada di Sarawak supaya dengan kerjasama itu, tidak akan berlaku sebarang perpecahan, manakala kuasa politik Bumiputera di Sarawak juga tidak terjejas.

"Itulah pendekatan yang diambil Umno. Segala keputusan terpulang kepada rakyat Sarawak, bukan terpulang kepada Umno di Semenanjung. Rakyat Sarawaklah yang akan menentukan cara mana Umno boleh datang ke Sarawak tanpa memecahbelahkan Bumiputera negeri itu," katanya pada perhimpunan berkenaan.

Persoalannya sekarang, apakah keadaan di Sarawak pada masa sekarang, memerlukan Umno melebarkan pula sayapnya ke negeri itu? Isu itu timbul sekali lagi, apabila bekas Menteri Pertahanan, Datuk Abang Abu Bakar Abang Mustapha, mengumumkan kelmarin mengenai kesediaannya membawa Umno ke Sarawak, jika itu permintaan rakyat negeri itu.

Menurut bekas Timbalan Presiden PBB itu, beberapa pihak ada berjumpa beliau untuk membincangkan mengenai perkara itu. Ditanya butir terperinci mengenai perjumpaan berkenaan, beliau berkata: "Tunggu saja episod seterusnya". Sewaktu membuat pengumuman mengejutkan itu, Abang Abu turut menyifatkan khidmatnya di dalam PBB sebagai tidak diperlukan lagi.

Kenyataan beliau ini tidak sukar dimengertikan, apa lagi selepas beliau gagal mempertahankan jawatan nombor dua dalam parti itu, pada Perhimpunan Agung PBB pada Ogos 1998.

Dalam pertandingan itu, Abang Abu Bakar selaku penyandang, hanya mendapat 27 undi. Datuk Abang Johari Tun Openg yang memenangi jawatan itu mendapat 373 undi dan seorang lagi pencabar beliau, Datuk Adenan Satem, mendapat 268 undi.

Sebelum ini pelbagai pihak pernah menyuarakan hasrat untuk membawa masuk Umno ke Sarawak. Antaranya Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS) yang meminta agar masyarakat Bumiputera di Sarawak diberi peluang membuat pilihan, jika Umno merancang mengembangkan sayapnya ke negeri itu.

Yang Dipertuanya, Datuk Wan Yusof Tuanku Bujang, pada 1996, pernah

menyarankan agar Umno menubuhkan sebuah jawatankuasa khusus bagi mengkaji maklum balas masyarakat Bumiputera di Sarawak berhubung kemasukan Umno ke negeri itu.

Pada tahun sama juga, Ketua Pergerakan Pemuda Umno ketika itu, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, mengadakan pertemuan dengan Exco Pemuda PBB di Kuala Lumpur bagi menjelaskan bahawa Pemuda Umno tidak berhasrat menjadi pemangkin yang membawa parti itu ke Sarawak, selagi belum ada persetujuan tampuk kepimpinan Umno dan PBB.

Sebelum itu, Abang Johari Naib Presiden PBB ketika itu (kini Timbalan Presiden PBB), berkata tiada halangan bagi Umno mengembangkan sayapnya ke Sarawak tetapi waktu itu belum sesuai untuk berbuat demikian.

Terdahulu, isu kemasukan Umno ke Sarawak juga pernah disuarakan oleh Umno Johor yang menyarankan parti itu mengembangkan sayapnya ke Sarawak di Perhimpunan Agung Umno ke-39 pada 1995. Ketua Bahagian Gelang Patah, Baharom Abdul Ghani yang mewakili Umno Johor pada ketika itu berkata, wajar untuk parti itu mengembangkan sayapnya ke Sarawak berikutan kejayaannya memasuki Sabah.

Pada 1995 juga Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, tidak menolak kemungkinan Umno mengembangkan sayapnya ke Sarawak, tetapi masanya belum sesuai untuk parti itu berbuat demikian.

Taib ketika itu menganggap kemasukan Umno ke Sarawak sebagai tidak praktikal kerana adalah lebih baik politik di negeri itu dikendalikan oleh parti yang berasal dari Sarawak sendiri. "Orang Sarawak bukan anti-Umno atau anti-Persekutuan, tetapi 10 tahun dari sekarang, Umno mungkin akan berkembang ke Sarawak. Buat masa ini parti politik Sarawak sendiri masih diperlukan untuk beberapa tahun akan datang," katanya.

Pada ketika itu juga, Taib yang pernah menjadi Menteri Persekutuan selama lebih 10 tahun sebelum menjadi Ketua Menteri pada 1981, berkata secara peribadi beliau sama sekali tidak mempunyai halangan untuk Umno ditubuhkan di Sarawak.

Dua tahun selepas itu, pada 1997, isu kemasukan Umno ke Sarawak terus berlegar apabila Dr Mahathir sekali lagi ditanya mengenai spekulasi kononnya Umno akan mengembangkan sayap ke Sarawak menjelang tahun 2000.

Perdana Menteri yang dikemukakan soalan itu di Kota Kinabalu, berkata: "Kita tiada cadangan (membawa Umno ke Sarawak) menjelang tahun 2000 atau 2020 atau apa pun. "Umno hanya akan ke Sarawak apabila Sarawak berpendapat Umno perlu ke Sarawak...apabila saya berkata begini, saya bermaksud majoriti Bumiputera di sana, bukan segelintir orang yang membuat ramalan dan khabar angin...itu tidak diambilkira".

Pada 1997 juga, bekas Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tun Abdul Rahman Yaakub, berkata rakyat Sarawak, khususnya pemimpin di negeri itu tidak seharusnya bimbang jika Umno mahu mengembangkan sayapnya ke negeri itu pada suatu hari nanti.

Beliau yang menafikan terbabit dalam usaha membawa Umno ke Sarawak, walau pun pernah menjadi ahli seumur hidup parti itu, berkata gandingan kuasa antara Umno Sabah dan Sarawak akan dapat menarik lebih perhatian pada perhimpunan agung Umno.

Pada 1997 juga, Pergerakan Pemuda Umno sekali lagi menafikan ia menjadi dalang di sebalik usaha membawa parti itu ke Sarawak.

Selepas itu, ura-ura mengenai penyebaran borang Umno di Sarawak bertiep kencang dan ia dikatakan berlaku di beberapa perkampungan Melayu di pesisir negeri itu.

Rentetan daripada itu, pada 21 Ogos 1998 pula, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak, berkata Umno tidak pernah memberi restu kepada mana-mana pihak untuk mengedar borang keahlian parti berkenaan di Sarawak.

Menurut Najib, Majlis Tertinggi (MT), mahu pun Pejabat Umno tidak pernah memberi kebenaran kepada mana-mana pihak untuk menghantar borang keahlian

ke negeri itu.

"Umno hanya akan dikembang ke Sarawak atas persetujuan PBB dan parti komponen BN di negeri ini dan juga atas kehendak rakyat di Sarawak sendiri," katanya.

Kenyataan kali terakhir (setakat ini) dari Dr Mahathir sendiri mengenai isu sama dibuat pada Perhimpunan Agung PBB pada 28 Ogos 1998 dan jelas pucuk pimpinan Umno itu menyerahkan keputusan muktamad mengenai perkara itu di tangan rakyat Sarawak sendiri.

Pilihan raya parlimen baru lalu, tentunya telah membuktikan pilihan yang dibuat oleh majoriti rakyat Sarawak yang mempunyai kira-kira 2 juta penduduk, dengan lebih 30 suku etnik itu.

Kemenangan seratus peratus BN negeri di 28 kerusi yang dipertandingkan adalah bukti jelas betapa rakyat Sarawak masih memilih untuk dipimpin oleh kerajaan sekarang yang ditunjangi oleh PBB.

Taib semalam mengakui bahawa rakyat telah membuat pilihan pada pilihan raya lalu dan terbukti PBB masih mendapat sokongan padu daripada rakyat. Sehubungan itu, beliau menganggap kenyataan terkini Abang Abu Bakar itu sebagai tindakan yang bertentangan dengan pendirian Perdana Menteri sendiri, yang telah menyerahkan kepada rakyat Sarawak untuk membuat penentuan.

Apa yang dilakukan oleh bekas Menteri Pertahanan itu katanya, sengaja cuba hendak menentang kehendak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai Presiden Umno. "Ini kerana Perdana Menteri, seperti yang anda semua tahu, sudah banyak membuat kenyataan sebelum ini...untuk menyatakan pendirian beliau bahawa kehadiran PBB adalah sama seperti Umno di Sarawak.

"Jika parti komponen BN sedia ada di Sarawak mampu memenangi semua kerusi untuk BN (dalam pilihan raya yang diadakan), tidak ada keperluan untuk parti komponen BN yang lain melebarkan sayapnya dan bertanding di Sarawak.

"Ia adalah peraturan dalam BN...peraturan asas di dalam BN dan jika Abang Abu Bakar rasa beliau boleh mengubah peraturan itu, saya tidak fikir beliau layak untuk terus berada di dalam BN," kata Taib.

Sesungguhnya, Sarawak bumi yang luas dan kaya dengan sumber aslinya, berada dalam keadaan aman dan makmur di bawah kepemimpinan sekarang.

Ditunjangi PBB, dasar politik pembangunan yang membawa pembangunan bersifat menyeluruh kepada semua kaum di seluruh pelosok negeri itu, menjadi agenda perjuangan BN Sarawak.

(END)